

**UCAPAN PERDANA MENTERI MENERUSI
RADIO/TV MALAYSIA SEMPENA MENYAMBUT
ULANGTAHUN HARI KEBANGSAAN, PADA
31HB OGOS, 1973**

Saudara-saudara sekalian,

Besok kita sekalian rakyat Malaysia dari semua kaum dan keturunan dari segenap lapisan dan golongan, bersaraa-sama menyambut hari yang mulia untukingati peristiwa kita mencapai kemerdekaan enam belas tahun yang lalu.

Perayaan Hari Kebangsaan tahun ini mempunyai makna yang sangat istimewa, terutama kepada saudara-saudara kita di Sabah dan Sarawak oleh kerana tahun ini menandakan genap sepuluh tahun lahirnya negara baru Malaysia yang memberikan taraf dan kemuliaan kepada mereka sebagai rakyat yang merdeka dan berdaulat.

Saya suka mengambil kesempatan ini menyeru saudara-saudara di mana-mana juga saudara berada supaya menyambut hari bertuah dan gemilang ini dan merayakannya dengan penuh ghairah dan sambil itu mengangkat tangan berdoa kepada Tuhan Yang Maha Kuasa agar kita diberikan taufik hidayah dan perlindungan-Nya pada setiap masa.

Dalam pada kita merayakan hari ini dengan berbagai acara yang hebat dan meriah, sayugialah kita bertafakur sejenak untuk mengenang dan menghormati roh para pemimpin yang telah pergi mendahului kita, dan juga para pahlawan yang telah gugur, mempertahankan tanah air yang dicintai ini.

Awal bulan ini, kita telah kehilangan pemimpin negara yang dikasihi, patriot bangsa dan negarawan yang dihormati ramai di dalam dan di luar negeri iaitu Allahyarham Tun Dr Ismail.¹ Nama Allahyarham akan terukir dengan tinta mas dalam sejarah negara kerana jasa-jasanya yang tidak terailai demi kepentingan Malaysia dan bagi kepentingan dan perdamaian rantau ini.

Sungguh sukar bagi saya sebagai sahabat yang rapat dan rakan seperjuangan sejak sekian lama, hendak mencari kata-kata yang

¹ Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri.

tepat untuk menyatakan betapa besarnya penghargaan kita sekalian terhadap jasa-jasa dan bakti Allahyarham itu. Bagi kita yang tinggal, sebaik-baik sumbangan untuk mengenangi beliau ialah meneruskan usaha-usaha bagi mencapai matlamat ideal dan cita-cita yang diperjuangkan oleh Allahyarham semasa hayatnya.

Berikutan dengan peristiwa sedih itu saya telahpun melakukan perombakan Jemaah Menteri dengan memberikan tugas-tugas penting kepada tenaga baru dan muda. Saya bersyukur sambutan daripada rakyat umum, termasuk kalangan berpengaruh di luar negeri—pada keseluruhannya amat baik dan kepercayaan yang mereka tunjukkan kepada team saya yang baru itu merupakan dorongan dan inspirasi kepada kami untuk menjayakan segala rancangan-rancangan yang telah ditentukan menurut Dasar Ekonomi Baru.

Saudara-saudara sekalian,

Pada amnya, tahun 1973 ini membawa keadaan yang lebih cerah dalam semua bidang usaha Kerajaan. Pengkajian separuh penggal atau Mid-Term Review sedang dilakukan sekarang ini dan kita boleh berbangga kemajuan yang dicapai hingga hari ini, iaitu setakat yang mengenai pembangunan lahiriah atau physical development amat memuaskan. Kalau dibandingkan dengan Rancangan Malaysia Pertama dulu untuk tempoh yang sama, pencapaian adalah tinggi iaitu hampir-hampir 90% dari matlamat yang dijangkakan. Seperti yang telah saya katakan dulu, Penyata Kajian ini akan dibentangkan pada Sidang Parlimen yang akan datang.

Bagaimanapun, pencapaian dalam bidang lain khasnya penyusunan semula rakyat masih jauh dari memuaskan oleh kerana proses mengubah sikap dan resam hidup orang-orang kita tentu mengambil masa yang agak lanjut. Dalam pembinaan satu masyarakat Malaysia baru, sangatlah mustahak ditekankan nilai-nilai sosial yang moden sambil meninggalkan nilai-nilai lama yang akan menghalang proses kemajuan. Namun segala usaha akan dibuat dengan tujuan supaya dalam tempoh yang ditentukan, orang-orang Melayu dan Bumiputra yang lain akan mendapat kedudukan yang wajar dalam bidang ekonomi moden dan di samping itu juga pembahagian pekerjaan serta penempatan rakyat akan benar-benar mencerminkan sifat masyarakat Malaysia yang berbilang bangsa ini.

Langkah-langkah yang berjalan serentak untuk menghapuskan kemiskinan tanpa mengira tempat dan asal keturunan akan dapat merapatkan jurang ekonomi antara rakyat luar bandar dan masyarakat bandar serta membawa kepada perpaduan yang kekal dan kestabilan negara.

Kita patut bersyukur oleh kerana keadaan ekonomi yang lembab atau stagnant berikutan dengan krisis matawang atau monetary crisis yang melibatkan dollar Amerika dan pound sterling tidak lama dahulu telah pulih kembali. Setelah mengalami keadaan harga barang-barang mentah yang merosot pada tahun lalu, hari ini harga bahan-bahan tersebut seperti getah, bijih timah, kelapa sawit dan kayu-kayan telah naik berlipat ganda. Ini adalah membolehkan rakyat kita terutama orang-orang di kampung menikmati sedikit sebanyak kemewahan dan kemakmuran.

Saudara-saudara sekalian,

Keadaan yang di luar kawalan kita sama sekali di luar negeri telah menimbulkan gejala-gejala inflasi yang menyebabkan harga barang-barang impot melambung tinggi sehingga melibatkan bahan-bahan pengeluaran kita sendiri. Keadaan ini menjadi bertambah buruk lagi oleh kerana kekurangan bahan-bahan bijian di seluruh dunia yang menyebabkan kekurangan bekalan beras serta menaikkan harga bahan itu. Kita seharusnya bersyukur kerana keadaan di negara ini adalah jauh lebih baik dari negara-negara lain dan Kerajaan menjamin rakyat akan boleh mendapat bekalan beras pada setiap masa dengan harga yang berpatutan.

Bagaimanapun, seperti yang sering saya peringatkan di masa-masa lain, amatlah mustahak bagi kita mengambil segala langkah untuk mengurangkan tekanan inflasi melalui sistem penyaluran bahan-bahan keperluan sehari-hari kepada pengguna dengan harga yang berpatutan serta mencegah perbuatan pekedai-pekedai yang cuba mengambil kesempatan yang berlebih-lebihan.

Lembaga Padi dan Beras Negara telahpun mengambil langkah dan tindakan yang akan menjamin supaya bekalan beras tidak terganggu. Langkah-langkah sedang diambil juga untuk mengadakan sistem penyaluran bahan-bahan gunaan yang teratur melalui PERNAS, Lembaga Kemajuan Ekonomi Negeri dan institusi umum yang lain.

Saya sekali lagi menegaskan bahawa Kerajaan berazam hendak meredakan tekanan inflasi ini—yang sebahagian terbesar ialah

inflasi dari luar atau imported inflation—supaya kemakmuran rakyat tidak terjejas olehnya.

Saudara-saudara sekalian,

Dari segi keselamatan, boleh dikatakan tempoh setahun yang lalu ini membuktikan kejayaan yang cemerlang terutama sekali di Sarawak di mana kekuatan musuh telah dapat dipatahkan. Bilangan anasir-anasir musuh negara yang telah dihapuskan dan yang kembali ke jalan baik membuktikan bahawa Kerajaan mendapat sokongan tegas dari rakyat yang inginkan keamanan dan kemajuan.

Di Semenanjung Malaysia juga, keadaan keselamatan sentiasa terkawal meskipun anasir-anasir jahat masih berusaha hendak menimbulkan kekacauan di kalangan rakyat dengan perbuatan-perbuatan kejam dan tidak bertimbang rasa. Oleh itu amatlah mustahak bagi rakyat sekalian sentiasa berwaspada serta memberikan sepenuh kerjasama kepada Kerajaan supaya dengan pulihnya ketenteraman kita akan boleh menumpukan sepenuh tenaga kepada pembangunan.

Dalam bidang luar negeri, kita terus memainkan peranan positif dalam usaha-usaha kerjasama serantau supaya hasilnya dapat dinikmati bersama oleh rakyat hampir-hampir 200 juta di rantau ini. Usaha yang diharap akan membawa keamanan dan kestabilan yang kekal menerusi gagasan Perkecualian Asia Tenggara sedang beransur maju setapak demi setapak ke arah matlamatnya. Kita sama-sama berharap dengan tercapainya persetujuan politik di Indo China, keamanan dan kestabilan di rantau ini akan pulih supaya rakyat negara-negara itu yang telah bertahun-tahun sengsara dan menderita boleh menikmati keadaan hidup damai, makmur dan sentosa.

Buat negara kita Malaysia, dasar berkecuali yang kita amalkan sekarang telah meluaskan lingkungan persahabatan kita dengan negara-negara dunia termasuk negara-negara sosialis Eropah Timur. Perhubungan yang mula terjalin dengan Republik Rakyat Cina antara rakyat dengan rakyat di bidang perdagangan, sukan dan penyelidikan sains, akan terus dipupuk dan dikekalkan menjelang tibanya waktu yang sesuai bagi mengadakan pertukaran diplomatik secara rasmi antara kedua negara.

Saudara-saudara sekalian,

Perayaan Hari Malaysia tahun ini mempunyai tema "Masyarakat Berkebudayaan" dengan maksud menegakkan salah satu tiang utama dalam Rukunegara. Kebesaran sesuatu bangsa adalah bergantung pada tamaddunya yang tinggi dan kebudayaan adalah pencerminan dari tamaddun ini. Kita di Malaysia ini mempunyai keistimewaan bukan saja dari sifat masyarakatnya yang berbilang bangsa tetapi pada hakikat bangsa-bangsa itu mempunyai warisan kebudayaan yang kaya dan tinggi mutunya.

Sebagai satu bangsa yang muda dan sedang membangun, kita berada pada saat dan waktu yang penting oleh kerana inilah masanya kita menentukan bentuk dan corak kebudayaan Malaysia yang bakal diwariskan kepada jenerasi akan datang. Dalam hal ini, kita sudahpun mempunyai garis-garis panduan yang nyata iaitu kebudayaan Malaysia hendaklah berlandaskan kebudayaan rakyat asal rantau ini. Saya ingin hakikat ini difahami betul supaya tidak lagi timbul keraguan atau kebimbangan pada mana-mana pihak pun.

Kebudayaan rakyat asal rantau ini adalah menjadi asas bagi kebudayaan nasional kita. Sambil itu mustahaklah kita menerima unsur-unsur seni dan budaya yang sesuai dari ciri-ciri berbagai kebudayaan yang terdapat di negara ini dan dari hasil-hasil kemajuan teknologi moden. Saya yakin dan percaya dengan kekayaan ilmu dan kekuatan kita di kedua-dua bidang rohani dan jasmani akan membentuk masyarakat Malaysia masa depan yang mempunyai ketahanan dan daya kreatif yang tinggi dalam bidang teknologi dan kebudayaan.


Untuk meneruskan usaha kita memupuk serta memperkayakan kebudayaan nasional, Kerajaan telahpun merancang pembinaan sebuah kompleks kebudayaan yang boleh menjadi kemegahan kepada kita sekalian. Dalam hubungan ini, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telahpun menjalankan usaha-usaha penting untuk mengembangkan kegiatan kebudayaan dari peringkat daerah hingga ke peringkat nasional yang berkemuncak dengan pertunjukan perdana yang diadakan setiap tahun seperti yang dilangsungkan beberapa hari yang lalu.

Saudara-saudara sekalian,

Akhir kata, saya berseru kepada rakyat dari segenap lapisan dan golongan, sambil merayakan hari yang berbahagia ini, supaya

menyinsing lengan dan berganding bahu antara satu dengan lain untuk menggiatkan usaha-usaha dalam semua bidang supaya segera tercapai matlamat menjadikan negara ini makmur, aman dan ber-satu padu. Saya percaya dengan azam yang kuat, dengan tekun dan usaha dan dengan berkat hidayah serta petunjuk Allah Subhanahuwataala, cita-cita kita yang suci murni itu akan terlaksana sepenuhnya.

Selariat berjaya dan selamat malam.



Tun Abdul Razak bin Hussein sedang memerhatikan pameran barang-barang ketika melawat pameran Perusahaan dan Pertanian di Jalan Pandungan, Kuching pada 1hb September, 1973.

(Gambar Jabatan Penerangan Malaysia)